

Legasi politik Razak-Ismail kekal meredah arus masa

Dr Azmul Fahimi Kamaruzaman

Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Pemikiran politik adalah mengenai saintis politik berfikir dari sudut falsafah, konsep dan tatacara pelaksanaan politik hingga melahirkan pelbagai bentuk sistem politik yang terbukti mampu dipraktikkan dalam tamadun manusia.

Abad terawal dan pertengahan, pemikiran politik dibidani kelahirannya oleh saintis politik melalui penulisan adiknya (karya besar) yang menjadi teks rujukan pembesar dan penguasa di geopolitik merentasi zaman dan tamadun berbeza.

Sebut sahaja ahli falsafah politik klasik seperti Plato menghasilkan *Republic*, manakala Machiavelli menulis *The Prince* hingga lahir ungkapan tersohor 'matlamat menghalalkan cara' dan pemikiran ala-Machiavellisme. Di dunia Islam, muncul pemikiran al-Farabi dengan *Madinah al-Fadilah*; al-Mawardi (*Ahkam al-Sultanyyah*) dan Ibnu Khaldun (*al-Muqaddimah*).

Pemikiran politik sebenarnya sangat penting kerana pembentukan aliran pemikirannya melatari proses perkembangan sejarah setiap sistem politik itu sendiri. Contohnya, setiap sistem politik sedang diamalkan di pelbagai negara berpunca pengolahan idea dan pemikiran saintisnya.

Sosialis, demokrasi, komunis, politik Islam dan monarki serta pengubahsuaian dan gabungannya kepada setiap sistem baharu, tertitik serta sesuai untuk dan

pada satu-satu masa juga dilatari teks dan sumber saintisnya.

Pada zaman moden dan kontemporari, perkembangan pemikiran politik tidak hanya berpusat kepada teks dan pengolahan idea saintisnya. Namun, kedinamikannya turut diolah peredaran dan tindakan negarawan terkemuka seperti bapa India, Mahatma Gandhi yang membidani pemikiran kenegaraan Gandhisme, Mesir dengan sentuhan idea sosialis Pan-Arabisme Jamal Abdul Nasser sebagai Nasserisme dan tidak keterlaluan Malaysia melalui legenda politiknya Tun Dr Mahathir Mohamad dan legasi pemikiran Mahathirisme.

Dalam konteks Malaysia, sejarah pemikiran politiknya agak rencam dan pelbagai. Garis besar haluan sejarah perkembangan negara secara umumnya membenihkan pemikiran politik sangat dinamik. Bahkan ketidak-tentuan politik semasa hari ini juga dicorakkan dan dipengaruhi kedinamikan atau kepelbagaian tindakan serta peredaran pemikiran politik pemimpin serta negarawannya.

Sebagai negara berbilang kaum dan agama, wajah pemikiran politik Malaysia ditentukan faktor tempatan, iaitu Islam, kaum dan institusi Raja-Raja Melayu. Faktor luarannya pula nilai universal seperti demokrasi, keadilan, persamaan, hak asasi, kebebasan dan pengaruh pemikiran politik dari Asia Barat. Malaysia boleh dianggap sebagai negara masih muda. Hanya mencapai kemerdekaan pada 1967, iaitu 63 tahun atau enam dekad lalu.

Bagi negara yang belum pun mencapai usia 100 tahun, pemikiran politiknya ditandai, dibidani dan diwujudkan tindakan serta peredaran negarawannya.

Oleh itu, parti politik menjadi wadah dan platform merencana serta mengatur gerak setiap tingkah dan olah pemimpin dan negarawan. Atas faktor itu, parti politik bagi sesetengah orang hanya wadah melebarkan agenda dan pemikiran politik masing-masing dan sama sekali tidak bersifat kekal.

Tempoh pentadbiran Perdana Menteri boleh dijadikan kayu ukur pembahagi batas dalam proses perkembangan kerangka pemikiran politik Malaysia. Tunku Abdul Rahman contohnya, pengasas negara pada dua fasa utama, iaitu fasa kemerdekaan dan fasa pembentukan Malaysia hingga lahirnya karya besar Perlembagaan Persekutuan yang menjadi rujukan tertinggi negara. Justeru, pemikiran politik Tunku mengenai perundangan, kemerdekaan dan pengasasan Malaysia bersifat sangat monumental, terlahir kenegaraan dan klasik.

Tempoh kedua pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein ialah era berlakunya pembenihan pemikiran politik melebar hingga meninggalkan legasi sangat besar kesannya kepada perkembangan politik hari ini. Sebagai negarawan, Abdul Razak menakhodai Malaysia pasca-krisis 13 Mei 1969.

Bersama Timbalannya, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, beliau mencipta paradigma baharu pemikiran politik melalui idea pembangunan, perpaduan dan penyatuan nasional serta menarik garis kanan nasionalisme Melayu ke tengah dan pada masa sama mengurangkan pengaruh garis kiri sosialis dan komunisme.

Kombinasi Razak-Ismail mele-

takkan asas idea politik pembangunan, kestabilan dan perpaduan pada tahap sangat signifikan untuk diikuti oleh legasinya dalam UMNO. Lantaran itu, UMNO menjadi institusi politik utama melahirkan generasi pewaris kepemimpinan negara dengan garis pemikiran politik hampir sama, iaitu keindukan Melayu-Islam dan acuan asal kestabilan politik Malaysia. Sekurang-kurangnya, tiga negarawan induk berjaya dibidani pemikiran politik Razak-Ismail melalui wadah UMNO, iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Untuk sekian waktu, UMNO sebagai wadah politik nasionalisme induk Melayu kekal menjadi platform dan pemikiran politik kepada pentadbiran Malaysia. Meskipun begitu, di luar UMNO, garis pemikiran politik lain berkembang dengan pesat.

Idea politik Islam pula dikembangkan PAS dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam yang lain mengikut pergerakan sejarah politik dunia seperti pengaruh gerakan Islam Asia Barat, kebangkitan Islam dan pasca modernisme.

Sejarah pembentukan Malaysia pada 1963 juga menambah rencam pemikiran politik Malaysia apabila idea politik parti PAP Singapura dilegasikan DAP selepas pemisahannya daripada Malaysia. Garis idea politik di Sabah dan Sarawak pula didominasi dan ditentukan oleh faktor politik lokalnya.

Menjelang 2021, politik Malaysia bertambah kompleks dan rencam. Namun, faktor peredaran dan tindakan masih dinakhodai oleh idea dan legasi politik Razak-Ismail walaupun ironinya wadah dan platform parti politik sudah berubah.

Dalam konteks Malaysia, sejarah pemikiran politiknya agak rencam dan pelbagai. Garis besar haluan sejarah perkembangan negara secara umumnya membenihkan pemikiran politik sangat dinamik.

Untuk sekian waktu, UMNO sebagai wadah politik nasionalisme induk Melayu kekal menjadi platform dan pemikiran politik kepada pentadbiran Malaysia. Meskipun begitu, di luar UMNO, garis pemikiran politik lain berkembang dengan pesat.

